

UNTUK SIARAN SEGERA

Perayaan berganda, pencapaian berganda Panasonic

Kuala Lumpur, 17 Julai 2018 – Panasonic meraikan secara global dua pencapaian pada tahun 2018 dengan ulang tahun ke-100 Panasonic Corporation dan ulang tahun ke-60 penyaman udara Panasonic.

Julai ini, Panasonic akan mengambil bahagian dalam REVAC 2018, sebuah pameran dan forum yang memaparkan acara Penyejukan, Pengudaraan dan Penyaman Udara Asia Tenggara. Sebuah acara oleh pakar untuk pakar, REVAC adalah tempat profesional HVACR berkumpul dari seluruh dunia, melalui spektrum luas yang terdiri daripada pengeluar, pemaju dan pakar lain.

"Untuk memenuhi keperluan pelanggan kami, Panasonic akan terus mengamalkan konsep "Kehidupan yang Lebih Baik, Dunia yang Lebih Baik" (*A Better Life, A Better World*) dengan sentiasa membangunkan teknologi masa depan. Untuk 100 tahun akan datang, Panasonic mempunyai matlamat untuk menjadi sebuah jenama premium terkemuka di dunia manakala penyaman udara Panasonic akan melanjutkan rancangan pengembangannya pada penyelesaian komersil dan menjadi sebahagian daripada segmen perniagaan strategik di rantau Asia," kata Encik Takehiko Ryu, Pengarah Urusan Panasonic Asia Pacific.

Kualiti udara sangat penting kepada kita kerana setiap hari kita menyedut kira-kira 18 kg udara. Panasonic komited bagi memastikan mutu udara dalam bangunan yang lebih baik untuk semua orang melalui inisiatif global "Udara Berkualiti untuk Kehidupan (*Quality Air for Life - QAFL*)" yang akan diterangkan secara mendalam di gerai Demonstrasi QAFL kami di ekspo tersebut. "QAFL" bertujuan untuk memanfaatkan teknologi penyaman udara dan pengudaraan Panasonic untuk memberikan udara yang lebih segar dan bersih untuk persekitaran hidup yang lebih selesa melalui kawalan suhu, kawalan kelembapan dan pembersihan udara," tambah Encik Ryu.

Satu contoh yang baik bagi penyelesaian memanfaatkan penyaman udara dan pengudaraan adalah SOHO - Pejabat Kecil atau Pejabat Rumah. Pengurusan CO2 memastikan kualiti udara yang baik untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selesa dan meningkatkan produktiviti pekerja manakala Teknologi nanoe™ memberikan udara sejuk, bersih dan selesa di dalam bangunan.

Satu lagi aplikasi ialah Hotel Butik yang mengandungi kurang daripada 100 bilik. QAFL menawarkan peredaran udara yang diudarakan dengan baik bagi memastikan udara segar dan bersih. Ia juga membantu menghilangkan kelembapan berlebihan supaya ia dapat menghalang secara berkesan pertumbuhan kulat dan hama di atas katil. Penyaman udara Panasonic dilengkapi dengan Teknologi nanoe™ yang berkesan menghilangkan bau yang kuat dan menghilangkan zarah debu untuk rehat yang menyenangkan dan penginapan yang selesa.

Apa itu Teknologi nanoe™? Ia adalah teknologi yang dipatenkan secara unik yang berkesan menghilangkan bau, menghalang pertumbuhan bakteria dan virus sambil mengeluarkan zarah-zarah debu sekecil PM2.5. Teknologi nanoe™ dibenamkan ke dalam penyaman udara kediaman dan komersil. Maklumat lanjut mengenai Teknologi nanoe™ akan dijelaskan di gerai kami atau lawati www.panasonic.com.my

Penyelesaian Sambungan adalah salah satu daripada tarikan utama bagi pertunjukan REVAC 2018 Panasonic. Panasonic juga akan mempamerkan pelbagai penyelesaian sambungannya, yang menawarkan keflexibelan dan cara yang lebih bijak untuk menguruskan keselesaan penyejukan dan pengurusan tenaga di mana-mana jua, pada bila-bila masa.

Aplikasi Panasonic Comfort Cloud baru akan secara rasmi dilancarkan, direka bentuk khusus untuk perniagaan kediaman dan kecil – boleh disambungkan kepada sehingga 200 unit penyaman udara dari hanya satu peranti mudah alih.

Dikempenkan di bawah slogan SMARTKAN UDARA ANDA, LAN tanpa wayar baru menawarkan:

- Penjimatan Tenaga SMART: Analisis dan bandingkan penggunaan tenaga untuk meningkatkan kecekapan tenaga
- Pembantu SMART: Menerima pemberitahuan mengenai kod ralat
- Kawalan Perniagaan SMART: Memusatkan kawalan penyaman udara untuk perniagaan seperti hotel butik dan SOHO

Untuk penggunaan komersil, perikatan Panasonic dengan Schneider Electric membolehkan semua penyaman udara komersil ringan Panasonic dan sistem VRF dengan sambungan pasang dan pakai kepada sistem pengurusan tenaga bangunan (BEMS). Integrasi dan pemasangan sistem diperkemas.

Panasonic juga akan mempamerkan rangkaian Penyaman udara Berpakej terbarunya. Unit luar bangunan telah direka bentuk semula menjadi padat dari segi saiz, ringan dari segi berat dan perpaipan yang lebih panjang. Ini membolehkan pemasangan yang fleksibel, penjimatan ruang dan penyelenggaraan yang mudah, menawarkan penyelesaian yang ideal untuk penggunaan Runcit dan Komersil Ringan.

Untuk penggunaan komersial yang besar, sistem Aliran Bahan Penyejuk Boleh Ubah (VRF) Panasonic direka bentuk khusus untuk penjimatan tenaga, pemasangan mudah dan prestasi kecekapan yang tinggi, dengan pelbagai pilihan pengawal, model luar dan dalam bangunan. Unit luar bangunan juga didatangkan dengan kondenser bluefin yang sangat tahan lama dan julat operasi sehingga 52 darjah Celsius.

About PAPASEMY

Panasonic Appliances Air-Conditioning System Engineering Malaysia (PAPASEMY) is a one-stop BtoB solution center for commercial air-conditioning systems that unifies the sales and engineering teams for building owners, developers and corporations covering: Research & Development, Manufacturing, AC Design & Planning, Corporate Planning, Sales, Logistics, Delivery and After Sales Services. For more information on PAPASEMY Services, please call us at 03-7932 4180 or visit website at aircon.panasonic.com

About Panasonic Malaysia

Panasonic Malaysia Sdn Bhd is a sales, service and marketing company for the Panasonic brand of electrical and electronic products ranging from audio visuals, home appliances, air conditioners, indoor air quality, solar business, digital & video cameras, professional broadcasting equipment, system solutions, telecommunications, health & beauty care, batteries and lightings. All Panasonic products are available through our authorised dealers nationwide. For more information on Panasonic brand and products, visit our website at www.panasonic.com.my or call our Customer Care Centre at 03-7953 7600. For press members, download event and product press release and photos at www.pmpressroom.com

Media Contact: Mazlee Mokhtar
 Manager, Corporate Communications
 Marketing Innovation Department
 Panasonic Malaysia Sdn Bhd
 Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722
 Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com